Beliau berkata, Program Pembangunan Industri Tenuku Negara yang merupakan satu inisiatif di bawah sumber kekayaan baharu (SKB) yang dilaksanakan tahun lalu akan diteruskan melalui pembangunan lembah

tenuku di seluruh negara.

Jelasnya, fasa permulaan bagi program tersebut akan memberi fokus kepada pembangunan lembah tenuku Muadzam yang melibatkan usahawan berskala besar tenuku dan penternak susu kecil di Pahang dan sebahagian di Negeri Sembilan dan Johor.

Cegah, hapus penyakit haiwan zoonotik

SEMENTARA itu, Dr Quaza Nizamuddin berkata, di sebalik pelbagai strategi untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan, jabatan diterajui yang baharu menyambut ulang tahun ke-125 tahun September lalu tetap memberikan tumpuan kepada fokus utama iaitu mengawal, mencegah dan menghapuskan penyakit haiwan dan zoonotik.

Katanya, aspek itu sangat penting kerana jika tidak dikawal lebih awal, ia boleh mendatangkan kerugian besar kepada industri makanan khususnya melibatkan agromakanan.

"Penyakit haiwan seperti penyakit kuku dan mulut, African Swine Fever (ASF) boleh beri kesan ekonomi dan pendapatan.

"Jadi, apabila haiwan yang diternak terjejas dengan penyakit berkenaan akan mengakibatkan berlaku kenaikan harga kerana bekalan tidak cukup.

"Berkenaan penyakit anjing gila atau Rabies, data menunjukkan 95 peratus daripada penyakit Rabies adalah daripada gigitan anjing, jadi pentingnya kita kawal penyakit berpunca daripada haiwan supaya ia tidak merebak kepada manusia," katanya.

Menyentuh mengenai kejayaan yang dicapai jabatan itu sepanjang tempoh

perkhidmatan sehingga kini, katanya banyak pencapaian yang boleh dibanggakan antaranya industri ternakan ayam, pengeluaran telur ayam dan industri babi mencapai tahap sara diri melebihi 100 peratus.

"Selain keluaran untuk kegunaan dalam negara, kita juga berjaya mengeksport bekalan itu ke luar negara.

"Kejayaan lain ialah program pernianman beradas melahirkan baka hybrid lembu sado," katanya.

Katanya, kejayaan lain yang boleh dibanggakan ialah Akta Makanan Haiwan 2019 untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan memastikan tiada pencemaran kimia dan ubat.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 menunjukkan impak yang tinggi kerana kes aduan penganiayaan dan kezaliman haiwan menurun dengan ketara pada tahun 2019 iaitu 40 peratus berbanding tahun 2018.

Manakala Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993 adalah untuk memastikan daging yang dihasilkan adalah bersih dan selamat untuk dimakan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar komited menyediakan perkhidmatan cemerlang kerana setiap perkhidmatan itu memberi kesan langsung kepada rakyat.



"Baru-baru ini, kita telah menghantar pegawai kita ke Jepun untuk melihat teknologi penternakan lembu wagu dan belajar bagaimana ia dikeluarkan." - Dr Quaza



Walaupun cacat kedua-dua belah tangan, Rahim boleh mencari pendapatan sendiri dengan memelihara lembu di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulau Chondong dekat Machang.

OKU cekal usahakan ternakan lembu

MACHANG - Walaupun cacat kedua-dua tangan sejak lahir, namun ia tidak menjadi penghalang bagi Rahim Yusoff mengusahakan ternakan lembu untuk dijual kepada orang ramai bagi meraih pendapatan.

Rahim, 54, berkata, dia mula memelihara lembu sejak enam tahun lalu bermula dengan wang sebanyak RM2,500 dengan membeli seekor lembu bunting daripada seorang penternak lembu di Machang.

"Pada Aidiladha tahun lalu, saya berjaya menjual 10 ekor lembu bagi tujuan ibadat korban sekitar harga RM2,500 hingga RM3,700 seekor untuk memenuhi permintaan penduduk.

"Dengan pendapatan yang diperoleh itu, sekurang-kurangnya ia dapat menampung perbelanjaan kami lima beranak daripada terus menagih simpati dan mengharapkan bantuan orang ramai," katanya kepada pemberita di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulau Chondong di sini baru-baru ini.

Menurut bapa kepada tiga anak itu, dia kini mempunyai lima ekor lembu iaitu tiga yang dipelihara sendiri, manakala dua ekor lagi melalui sistem pawah iaitu milik penduduk kampung yang memintanya menjaga ternakan mereka dan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

"Untuk makanan, selain beli palet berharga RM31 untuk 50 kilogram yang mampu bertahan selama tiga hari, saya juga akan melepaskan lembu di bendang berdekatan sekitar waktu pagi hingga petang untuk meragut rumput," katanya yang cekap menguruskan ternakannya termasuk mencuci kandang dan memberi lembunya makan walaupun hanya menggunakan kakinya.

Rahim berkata, selain hasil daripada ternakan lembu, dia dan isteri, Noraidah Hamzah, 45, turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM400 dan RM250 setiap seorang. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	32

Cubaan seludup makanan udang

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah menggagalkan cubaan membawa masuk makanan udang tanpa permit dari Thailand di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini pada Selasa lalu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind berkata, pihaknya menemui 59 tin makanan udang dengan anggaran nilai RM800 dalam plastik hitam yang dibawa dalam bonet sebuah kereta dalam pemeriksaan pada 8.30 malam.

Menurutnya, barangan itu cuba dibawa masuk tanpa dokumen sah seperti permit import dan lesen pengimportan bawah Akta Makanan Haiwan 2009.

“Perbuatan mengimport keluaran perikanan tanpa permit

sah oleh Jabatan Maqis adalah kesalahan bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh dihukum bawah Seksyen 11(3) jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali,” katanya.

Lily Rosalind berkata, kesemua makanan udang yang dirampas akan dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Akta 728 ini adalah bagi memastikan kawalan penyakit haiwan/ikan/tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia, selain mengawal kemasukan perosak merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian negara,” katanya.

Makanan udang tanpa permit dari Thailand yang dirampas di ICQS Bukit Kayu Hitam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS gagalkan cubaan seludup artemia dari Thailand



BUKIT KAYU HITAM: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk artemia, iaitu sejenis plankton untuk makanan udang dari Thailand ke negara ini, secara haram di sini, malam tadi.

Pengarah MAQIS negeri, Lily Roslind, berkata rampasan dilakukan jam 8.30 malam susulan pemeriksaan dilakukan pihaknya ke atas sebuah kereta jenis Toyota Vios dipandu seorang lelaki berusia lingkungan 30-an di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini.

"Hasil pemeriksaan, kita menemui 59 tin berisi artemia dalam but belakang kereta. Siasatan lanjut mendapati semua barangan itu dibawa tanpa dokumen sah seperti permit import dan lesen

pengimportan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009.

"Semua produk terbabit dengan nilai anggaran RM800 dirampas untuk tindakan lanjut, bagaimanapun tiada tangkapan dilakukan," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Lily berkata, perbuatan mengimport keluaran perikanan tanpa permit sah dikeluarkan MAQIS menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

Beliau berkata, bagi kesalahan itu denda tidak melebihi RM100,000 boleh dikenakan atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Semua artemia yang dirampas dalam kes ini akan dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Akta 728 diguna pakai bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia, serta dapat mengawal kemasukan perosak merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Pembenihan awan kawasan Muda diteruskan hari ini



ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), meneruskan operasi pembenihan awan di kawasan Muda, hari ini.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata operasi berkenaan diteruskan seperti yang dirancang, namun operasi terakhir yang dijangka dilaksanakan esok akan bergantung kepada kesediaan awan dan kelembapan yang sesuai.

"Operasi ini kita teruskan di kawasan tadahan empangan serta

dataran Kawasan Muda.

"Sekiranya operasi ini berjaya, hujan dijangka dapat meningkatkan paras takungan empangan dan membantu pengairan di kawasan sawah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Fouzi berkata, kedudukan paras air di tiga empangan utama negeri ini terus menurun hari ini.

Katanya, sehingga jam 8 pagi tadi Empangan Muda mencatatkan paras air sebanyak 13.52 peratus; Empangan Pedu 45.09 peratus dan Empangan Ahning, 61.36 peratus.

"Berbanding semalam, Empangan Muda mencatatkan paras 14.42 peratus, Empangan Pedu 45.59 peratus dan Empangan Ahning 61.57 peratus.

"Pelepasan harian sebanyak 127.5 meter padu sesaat daripada empangan sedang dibuat untuk tujuan pengairan tanaman padi serta kegunaan bekalan air mentah domestik," katanya.

Bagaimanapun Fouzi berkata, apabila paras takungan air Empangan Pedu turun melepasi paras 27%, keutamaan pelepasan air akan diberikan kepada kegunaan domestik.

Penyusutan 2 empangan Pulau Pinang masih terkawal

Georgetown: Penyusutan kapasiti efektif di dua empangan di Pulau Pinang dilaporkan masih dalam keadaan terkawal, kata Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Bellau berkata, walaupun hujan lebat melanda beberapa kawasan di Pulau Pinang semalam, Empangan Air Itam masih merekodkan kapasiti efektif 60.4 peratus, manakala Empangan Teluk Bahang pula sebanyak 38.1 peratus.

"Dalam satu hari, saya rasa tak ada perubahan sangat, walaupun kelmarin ada hujan satu jam di beberapa lokasi.

"Masalahnya air (hujan) tidak turun (mengalir) ke kawasan empangan," katanya pada sidang media di Pejabat Ketua Menteri di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini, semalam.

Sebelum ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAFP) dalam kenyataannya mengesahkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Teluk Bahang jauh lebih rendah daripada biasa, disebabkan oleh jumlah hujan yang rendah tahun lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow juga Pengerusi PBAPP berkata, beliau menyambut baik operasi pembenihan awan yang dilakukan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) di Kedah dan Pulau Pinang.

Katanya, beliau percaya MetMalaysia akan terus melakukan usaha pembenihan awan (OPA) sehingga taburan hujan yang mengisi empangan mencapai kapasiti 'selesa'.

"Saya yakin MetMalaysia akan terus berusaha melakukan pembenihan awan sehingga semuanya kembali baik," katanya.

MetMalaysia dalam kenyataannya kelmarin memaklumkan melancarkan operasi pembenihan awan (OPA) bagi mengatasi masalah bekalan air yang terjejas di sekitar kawasan takungan air di empangan untuk kegunaan domestik dan pertanian, di negeri utara Semenanjung.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Jailan Simon, dilaporkan berkata operasi berkenaan dilakukan di enam kawasan sasaran di Kedah serta Pulau Pinang dan berjaya menghasilkan hujan di hampir kesemua kawasan tumpuan, iaitu Empangan Muda, Pedu dan Teluk Bahang serta kawasan sawah padi di Kuala Nerang dan Kampung Perupok, kecuali sekitar kawasan Empangan Ahning, Kedah.

MADA, MetMalaysia teruskan operasi pembenihan awan



Keadaan di Tasik Gabir berkaitan air Empangan Muda yang surut akibat cuaca panas melanda Kedah.

(Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

Proses bantu tingkat paras takungan empangan, pengairan di sawah

Oleh Noorazura Abdul Rahman dan Dziyaul Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meneruskan Operasi Pembenihan Awan Kawasan Muda untuk hari kedua, semalam.

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata operasi berkenaan diteruskan seperti dirancang dan operasi terakhir pula dijangka dilaksanakan hari ini.

Bagaimanapun, hari ketiga itu akan bergantung kepada kesediaan awan dan kelembapan yang sesuai.

"Operasi itu, kita teruskan di kawasan tadahan empangan dan dataran Kawasan Muda.

"Jika operasi berjaya, hujan dijangka meningkatkan paras takungan empangan dan membantu pengairan di kawasan sawah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kedudukan paras air di tiga empangan utama negeri ini terus menurun semalam.

Sehingga jam 8 pagi semalam Empangan Muda mencatatkan

paras air sebanyak 13.52 peratus; Empangan Pedu 45.09 peratus dan Empangan Ahning, 61.36 peratus.

"Berbanding kelmarin, Empangan Muda mencatatkan paras 14.42 peratus, Empangan Pedu 45.59 peratus dan Empangan Ahning 61.57 peratus.

"Pelepasan barihan sebanyak 127.5 meter padu sesaat daripada empangan sedang dibuat bertujuan pengairan tanaman padi dan bekalan air mentah domestik," katanya.

Bagaimanapun, apabila paras takungan air Empangan Pedu turun melepasi paras 27 peratus keutamaan pelepasan air akan diberikan untuk kegunaan domestik.

Di Kangar, cuaca panas diringi fenomena angin Monsun Timur Laut yang melanda Perlis ketika ini boleh merubah cuaca panas melampau dan ekstrem sehingga penghujung Mac ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis, Penguasa Kanan Bomba 1 (PgKB1) Ruhisha Harris, berkata berdasarkan statistik panggilan kebakaran diterima tahun lalu menunjukkan cuaca suhu meningkat antara Januari sehingga Mac.

"Cuaca panas pada kali ini boleh mencocoh sehingga 39 darjah Celsius dan peningkatan itu dijangka berlaku pada Mac nanti. Ditambah dengan taburan hujan di Perlis yang mencatatkan pada paras rendah di bawah normal dari hujan ribut hanya pada waktu tertentu.

"Statistik tahun lalu, 776 kes kebakaran dilaporkan dengan 446

kes berlaku pada musim Monsun Timur Laut, iaitu antara Januari sehingga Mac," katanya di Ibu Pejabat JBPM Perlis, semalam.

Sementara itu BERNAMA melaporkan, berdasarkan penantuaan terkini, keadaan kurang hujan sudah bermula di utara Kedah dan Perlis dengan beberapa kawasan sudah tidak menerima hujan sejak beberapa minggu.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Jailan Simon, jumlah paras air di empangan tertentu agak kurang berbanding biasa kerana negara sedang berada pada fasa kedua Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir Mac.

Bellau menasihatkan orang ramai menjimatkan penggunaan air; berhati-hati melakukan aktiviti luar; tidak melakukan pembakaran terbuka dan minum air

secukupnya ketika tempoh cuaca panas dan kering.

"Secara klimatologi, tempoh akhir Monsun Timur Laut ini adalah tempoh kurang taburan hujan di seluruh negara kecuali di barat Sarawak dan Sabah.

"Dalam tempoh ini, ketidadaan hujan atau taburan hujan yang rendah dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan keadaan cuaca yang agak kering terutama di negeri utara Semenanjung (Kedah, Perlis, dan utara Perak) serta berbanding biasa kerana negara di pantai timur," katanya.

Dalam tempoh itu, Kedah dan Perlis dijangka menerima defisit hujan antara 20 peratus hingga 40 peratus berbanding jumlah biasa dijangka berterusan hingga akhir Mac.

Katanya, pada Februari, Pulau Pinang, utara Perak, utara Kelantan dan utara Terengganu serta di timur Sabah dijangka mengalami defisit hujan antara 20 peratus hingga 40 peratus berbanding jumlah biasa.

"Ketika akhir Monsun Timur Laut dan semasa tempoh awal peralihan monsun iaitu antara bulan Februari dan pertengahan April, kebiasaannya negara juga akan mengalami cuaca yang agak panas terutama di utara Semenanjung (Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak) serta di pedalaman Pahang dan Kelantan.

"Keadaan cuaca panas dialami di kebanyakan kawasan dalam tempoh ini dijangka beransur reda bermula akhir April dengan bermulanya fasa peralihan monsun membawa lebih banyak taburan hujan ke seluruh negara," katanya.

Operasi itu, kita teruskan di kawasan tadahan empangan dan dataran Kawasan Muda. Jika operasi berjaya, hujan dijangka meningkatkan paras takungan empangan dan membantu pengairan di kawasan sawah.

Fouzi Ali,
Pengurus Besar MADA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kemampuan peruncit diambil kira sebelum harga maksimum ditetapkan – Chong



KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil kira kemampuan peruncit sebelum dapat mengambil langkah menurunkan lagi harga siling barangan yang tersenarai di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Timbalan Menteri, Chong Chieng Jen, hari ini berkata walaupun ada dalam kalangan peruncit yang dapat menawarkan barangan di bawah harga maksimum yang ditetapkan sejak skim itu dilaksanakan, masih ada sebahagian peruncit yang tidak mampu berbuat demikian berikutan

beberapa faktor.

"Ada peruncit memperoleh diskaun lebih baik untuk harga bekalan daripada pembekal atau mampu membeli secara pukal bagi membolehkan mereka menawarkan barangan dengan lebih murah lagi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan SHMMP sempena Tahun Baru Cina di sebuah kompleks beli-belah di Batu Kawa di sini hari ini.

Beliau berkata, harga untuk barangan berkenaan dipengaruhi kuantiti bekalan yang ada dan faktor lokasi peruncit turut memberikan kesan kepada harga yang ditetapkan.

"Sebelum kita menetapkan harga-harga maksimum ini, kita turut berbincang dengan pelbagai pihak, khususnya Kementerian Pertanian (dan Industri Asas Tani) supaya kita boleh mendapat jaminan bekalan adalah mencukupi. Tak guna kita tetapkan harga yang amat rendah tetapi tak ada bekalan," katanya.

Menurutnya, sebanyak 16 jenis barangan disenaraikan untuk skim kali ini berbanding 13 jenis tahun lepas dan tempoh pelaksanaannya juga telah dipanjangkan kepada 14 hari bermula hari ini hingga 2 Februari, berbanding 10 hari tahun lalu.

Beliau berkata kementeriannya telah membahagikan pelaksanaan skim ini kepada sembilan zon dan penguat kuasa KPDNHEP akan turut dibantu pegawai pemantau harga (PPH) bagi memastikan rekod pematuhan baik peruncit di Sarawak terhadap skim ini berterusan.

"Pada tahun sebelum ini, didapati peruncit di negeri ini secara umumnya mematuhi sepenuhnya pelaksanaan skim ini dan jika ada pun kesalahan yang dilakukan, hanyalah kerana gagal untuk meletakkan tanda harga berwarna merah jambu," katanya. -

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sektor pertanian perlu hala tuju baharu



Dekad 2020 menjelma, mampukah pertanian menjelajahi era baharu? Mungkin tidak, selagi hala tuju baharu tidak dilakarkan. Ini tugas berat, namun jawapan perlu dicari.

Pertanian disaluti pelbagai isu. Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menyenaraikan isu ini merangkumi perubahan. Antaranya iklim, dinamik populasi, sumber asli, produktiviti, teknologi gangguan (*disruptive technology*), penyakit dan serangga, jaminan bekalan makanan yang tidak mencukupi, perubahan struktur, migrasi sistem makanan, tadbir urus dan kewangan.

Untuk merangkumkan semua dengan ringkas, bukan mudah. Namun kita boleh menurus kepada isu struktur yang ketara dan usang yang menuntut perubahan.

Kita akui kejayaan dalam industri kelapa sawit dan getah mencetus industri pembuatan bertaraf dunia yang berasaskan dua komoditi ini. Namun, sejarah pertanian kita menampilkan beberapa simptom membimbangkan.

Pertama, campuran komoditi yang bertumpu kepada kelapa sawit yang kini menggunakan 75 peratus daripada tanah pertanian pada 2016. Syer tanaman makanan menurun daripada 30 peratus pada 1960 kepada hanya 10 peratus.

Selain itu, tanaman industri menunjukkan tiga pola gelagat. Kelapa sawit (pertumbuhan eksponen), getah (kian mengecil) dan koko (menghampiri kepupusan). Cuma kelapa sawit dapat bertahan, itupun akan mencapai tahap siling seluas 6.5 juta hektar menjelang 2023.

Lebih 90 peratus penanaman kelapa sawit dan getah adalah tanaman tunggal, baik estet mahupun kebun kecil. Lantas terdedah kepada risiko harga merudum dan bahana ekologi terutama penyakit.

Pendek kata, pertanian kita memberi tumpuan besar kepada kelapa sawit sebagai tanaman tunggal walaupun kerajaan menggalakkan kepelbagaian.

Kedua, sektor kelapa sawit menyedut dengan besar sumber, lantas melemahkan sektor makanan. Sumber ini termasuk tanah, buruh, modal dan sokongan institusi, terutama kajian dan pembangunan (R&D). Bukti sektor makanan terjejas adalah defisit perdagangan yang kian membesar iaitu RM18 bilion pada 2018 dan tahap sara diri (SSL) yang rendah ke atas makanan utama (bijirin, ikan, keluaran tenusu, daging, buah-buahan dan sayur-sayuran dan makanan ternakan).

Ketiga, produktiviti pertanian masih rendah terutama komoditi makanan berbanding negara jiran. Keempat, pergantungan besar yang berterusan ke atas tenaga buruh asing sehingga melembapkan inovasi tempatan.

Akhir sekali, institusi pertanian masih pada takuk lama terbukti oleh kelembapan gerakan koperasi pertanian, pertubuhan peladang yang masih dipacu pegawai kerajaan dan lantikan politik.

Juga isu tadbir urus yang menakutkan seperti rasuah serta gelagat *rent-seeking* (terma ekonomi merujuk perbuatan mengaut untung tanpa sebarang produktiviti) dalam agensi berkaitan.

Dana projek untuk kesejahteraan petani diragut, lantas meninggalkan petani dalam penjara kemiskinan dan peluang terbatas untuk bergerak mendatar atau menegak dalam perusahaan mereka. Masalah struktur ini jika diperbaiki, mampu menjanakan perubahan besar. Paradigma baharu dicadangkan seperti berikut.

Negara perlu mengutamakan pembangunan sektor makanan. Yakni makanan didahulukan. Ia membawa kelebihan seperti jaminan nutrisi yang lebih baik, memperkasakan kepelbagaian bio tempatan, komuniti desa yang dinamik, landskap hijau, pemuliharaan sumber asli kerana petani menjaga alam sekitar mereka.

Dari segi ekonomi, faedahnya jelas mengurangkan aliran keluar wang asing, meningkatkan taraf hidup golongan B40, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama makanan dan minuman.

Ramai berpandangan Malaysia tidak berdaya saing berbanding (kelebihan perbezaan dan persaingan) dalam makanan. Namun, mereka lupa kedua-duanya binaan manusia. Jika tidak, apakah hujah menerangkan bagaimana negara kecil seperti Belanda, Denmark dan Israel yang bertanah gersang menjadi pengeksport keluaran pertanian terbesar dunia.

Negara ini tidak memiliki kekayaan sumber seperti Malaysia, tetapi kemajuan teknologi mengasah daya saing mereka. Penyelesaian tiga-serampang ke arah pembangunan sektor makanan adalah komitmen jitu politik, R&D, inovasi dan pengembangan.

Ketiga-tiga penyelesaian ini harus saling menggenapi dengan padat kerana kejayaan kita dalam bab ini masih jauh tertinggal.

Mengikut FAO, oleh kerana tanah dan air kian berkurangan, maka 80 peratus pertambahan pengeluaran perlu datang daripada peningkatan hasil dan hanya 20 peratus daripada perluasan tanah.

Aplikasi teknologi mampu menyelesaikan masalah produktiviti, buruh asing dan keperluan kepelbagaian pertanian.

Hampir semua komoditi pertanian diusahakan pekebun kecil iaitu lebih 90 peratus, kecuali kelapa sawit di mana hampir separuh diusahakan estet. Namun, dasar pertanian kita tidak mengambil kira keperluan teknologi pekebun kecil.

Sebagai contoh, Malaysia gagal menjanakan inovasi ladang seperti mesin tuai untuk sawah kecil, mesin dan peralatan, kilang proses kecil, aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan *Internet of Things* (IoT), tanaman alternatif untuk kepelbagaian.

Dan yang paling menyerlah, tiada agenda pembangunan input (seperti baja dan makanan ternakan) menggunakan bio massa tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran.

Teknologi moden tingkat kecekapan pertanian

TEKNOLOGI moden membantu meningkatkan kualiti dan hasil pertanian petani. - Foto hiasan Sawah atau kebun kecil dianggap liabiliti. Namun dengan teknologi, ia boleh meningkatkan hasil tanah, buruh dan rantaian bekalan yang singkat dan pasaran yang luas. Tidak seperti estet yang meratakan landskap dan memusnahkan kepelbagaian bio, kebun kecil memelihara ekologi lantas memberi khidmat persekitaran kepada masyarakat.

Begitu juga, buruh datang dan buruh pergi dalam estet lantas tiada kesinambungan ilmu perladangan. Namun bagi kebun kecil, ilmu penanaman disalurkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Obsesi ke atas model estet sangat mendalam di Malaysia. Walhal tidak semua tanaman sesuai seperti kelapa sawit kerana masing-masing berbeza dari segi amalan, ciri tanaman, impak iklim dan sebagainya.

Kegagalan projek estet betik diusahakan syarikat berkaitan kerajaan membuktikan hujah ini. Maksudnya, bukan faktor saiz menentukan kejayaan, tetapi pengurusan penyakit tanaman.

Dalam kata ringkas, Malaysia memerlukan dasar khusus untuk menjana teknologi yang banyak dan pelbagai untuk pekebun kecil bagi meningkatkan kecekapan dan *output*.

Kilang pemprosesan kecil adalah laluan yang membolehkan petani menceburi perniagaan nilai tambah yang meningkatkan pendapatan dan ia perlu dicipta dengan banyak serta meluas.

Institusi petani seperti koperasi dan pertubuhan peladang perlu diremajakan supaya berautonomi seperti model Taiwan yang dicontohi pada 1970-an. Kini pertubuhan peladang dipacu pegawai kerajaan dan lantikan politik. Sepatutnya ia ditadbirkan petani untuk petani.

Hanya dengan memperkasakan pertubuhan dan koperasi ini, kita akan melahirkan petani yang bebas, berdaya saing dan maju sebagaimana di Taiwan dan negara lain.

Pada masa sama, agensi pertanian perlu kembali kepada matlamat asal iaitu memperkasa dan membangun petani, bukannya mengkayakan subsidiari masing-masing.

Jika masih perlu, subsidiari perlu dipacu petani untuk petani dengan model koperasi dan bukan oleh pegawai kerajaan atau orang politik. Rejuvenasi ini membabitkan perkara seperti latihan dan pendidikan, pengembangan teknikal dan perniagaan, pembangunan koperasi dan keusahawanan, penglibatan petani dalam perniagaan (termasuk input).

Kembali kepada matlamat asal agensi akan mengurangkan penyelewengan, budaya *rent-seeking* dan subsidi daripada kerajaan.

LARIAN ANTIBIOTIK MERIAH

FOTO: ROS DAN WAHID



1. SEBAHAGIAN peserta khas yang mengambil bahagian dalam Larian Antibiotik 2020 di Goat2Go Farm, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

2. MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad (tiga kanan) mengibar bendera dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub (dua kanan) membunyikan 'horn' ketika melepaskan peserta Larian Antibiotik 2020 di Goat2Go Farm, MAEPS.

3. SEBAHAGIAN peserta khas yang membawa anak kecil ketika menyertai Larian Antibiotik 2020.

4. PESERTA melakukan senam rabik sebelum memulakan larian.



FOTO: FAIZ ANUAR

Penjawat awam berhimpun



1. KAKITANGAN kerajaan melafazkan ikrar penjawat awam pada Perhimpunan Bukanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

2. MENTERI Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (tengah) beramah mesra bersama penjawat awam selepas merasmikan Perhimpunan Bukanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

PM sedia kerjasama dengan semua demi kebaikan

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja, termasuk parti pembangkang jika ia memberi kebaikan kepada negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan pertemuan beliau bersama Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, baru-baru ini dibuat kerana parti itu membanggakan mengenai perkara tertentu berkaitan dasar kerajaan.

"Ya, ada gambar saya bertemu Haji Hadi, saya berjumpa banyak pihak kerana ini adalah kerja saya, walaupun mereka ini adalah musuh saya.

"PAS berjumpa saya kerana timbul kebimbangan dan saya jelaskan jika kami melakukan perkara salah, jangan sokong kami di Parlimen.

"Tetapi jika kami melakukan perkara betul, walaupun mereka pembangkang, sila sokong kami demi kebaikan," katanya pada sidang media selepas menyaksikan Projek Demostrasi 5G Malaysia di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Langkawi di sini, semalam.

Sebelum ini, sebuah portal berita menyiarkan laporan dan gambar pertemuan antara Dr Mahathir dan Abdul Hadi yang menandatangani akan berlaku kerjasama



Dr Mahathir mendengar taklimat mengenai Maxis eKelas ketika melawat Projek Demostrasi 5G Malaysia di IPD Langkawi, semalam. (Foto BERNAMA)

politik antara kedua-dua pemimpin.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, ada ketika beliau memerlukan sokongan daripada PAS untuk membangkitkan rang undang-undang tertentu.

Sementara itu, Parti Amanah

Negara (AMANAH) menolak sebarang gerakan atau cadangan membawa masuk PAS semata-mata mahu menarik sokongan rakyat kepada Pakatan Harapan (PH).

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Salahuddin Ayub menegaskan

kan, tiada keperluan ketika ini untuk 'menyerap' PAS pada peringkat Persekutuan atau negeri atas alasan pengaruh parti itu mampu memberi kelebihan kepada kerajaan.

"Setakat ini, sama ada dalam Kabinet atau di luar Kabinet, kita

masih PH. Maka kita kekal dengan janji kita kepada rakyat yang sudah memberi mandat," katanya selepas merasmikan Pusat Pemrosesan Sarang Burung Wa-li, Mentah milik Neffarm International Sdn Bhd di Petaling Ja-